

A Pilih kata seerti bagi perkataan bergaris dalam ayat-ayat berikut. Membaca : TP4

1 Kami dijemput untuk menghadiri majlis hari jadinya pada malam esok.

- A diundang C dipinta
B dihalau D disuruh

2 Seseorang pemimpin perlu bersikap adil terhadap semua orang.

- A rajin C jujur
B saksama D ikhlas

3 Saya berasa sangsi dengan tindak-tanduk pemuda yang ada di hadapan rumah itu.

- A selamat C curiga
B selesa D cemas

4 Kita perlu cermat semasa menjawab soalan peperiksaan.

- A teliti C bijak
B tertib D tenang

5 Baizurah tidak disukai oleh rakan-rakannya kerana suka berbohong.

- A berbual C bercakap
B berdusta D berceloteh

6 Penglihatan Yusof menjadi jelas selepas memakai cermin mata.

- A tajam C pudar
B kabur D terang

12

B Pilih kata berlawanan bagi perkataan bergaris dalam ayat-ayat berikut. Membaca : TP4

1 Wajah adik-beradik kembar itu seiras.

- A berbeza C selaras
B serupa D setaraf

2 Wajah murid perempuan itu ceria selepas diumumkan sebagai johan pertandingan bercerita itu.

- A gembira C tenang
B riang D sugul

3 Air banjir itu mengalir deras ke muara sungai.

- A perlahan C pantas
B laju D cepat

4 Bapa menarik tali yang panjang itu untuk digulung.

- A mengheret C menghulur
B melepaskan D mengikat

5 Sikap boros harus dielakkan dalam kehidupan kita.

- A jimat C palsu
B bazir D gagal

6 Nabilah menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Aida.

- A menerima C membantah
B mendorong D bersetuju

12